

AD-4111

PERANAN UNIT DAKWAH SAUDARA KITA
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
DALAM MENANGANI HAK
DAN KEDUDUKAN MUALAF

MOHAMMAD HASNIL ABU BAKAR

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
BAHAGIAN II
IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511566022

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha penyayang, penulis panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya dapat juga penulis menyiapkan disertasi ini bagi menyempurnakan pengajian ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan ahli keluarga serta para sahabatnya.

Penulis ingin mengulangi kalimah syukur sebanyak-banyaknya sebagai tanda pengabdian seorang hamba yang sentiasa berusaha dan pasrah dengan ketentuannya, sebagai tanda syukur atas kurnia Allah S.W.T yang memberi kekuatan serta kudrat bagi menyudahkan kajian ini.

Seterusnya, penghargaan buat penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Anisah Ab Ghani yang telah banyak memberi tunjuk ajar juga panduan sepanjang pengajian. Tidak dilupakan juga kepada guru-guru para pensyarah Akademi Pengajian Islam dan para kakitangan yang turut sama menyumbang bagi membantu saya dan rakan-rakan yang lain dalam pengajian mereka.

Ucapan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya dan Perpustakaan Awam Pusat Islam atas kerjasama yang diberikan dalam membantu penulis mendapatkan bahan-bahan rujukan bagi penyelidikan ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Penolong Pengarah Unit Dakwah Saudara Kita, Ustaz Anuar Hamzah bin Toha, Ustaz Yusof Ong bin Abdullah, Ustaz Nor Lee Abdullah serta seluruh kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor khususnya Unit Dakwah Saudara Kita, juga rakan seperjuangan Ustaz Mohd Kamel Mat Salleh, Ustaz Zainudin Lateh yang telah banyak membantu bagi menyempurnakan penyelidikan ini.

Penulis juga merakamkan rasa penghargaan buat ayahbonda serta isteri tercinta juga anak-anak yang menjadi pendorong buat ayah untuk terus berjaya iaitu Muhammad Al - Fateh dan Solahuddin Al Ayubi.

Akhirnya di doakan agar semua kita diberi kekuatan untuk terus berusaha keras dengan penuh hikmah bagi melaksanakan amanah sebagai hamba dan khalifah Allah diatas muka bumi ini hingga ke nafas yang terakhir.

Wassalam.

Salam hormat,

MOHAMMAD HASNIL ABU BAKAR

B 05-10, PPR Pekan Batu,

Batu 5 Jalan Ipoh,

ABSTRAK

Tulisan ini bertajuk **Peranan Unit Dakwah Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hak dan Kedudukan Mualaf**. Ia bertolak dari satu andaian bahawa golongan ini dipinggirkan dari mendapat hak kebajikan yang berkualiti, yang sebenarnya dapat meningkatkan kualiti Islam mereka dan seterusnya menjadikan mereka sebagai *da'ie* yang mampu mengajak kaum mereka untuk memeluk Islam.

Hak mereka sudah dijamin oleh syara' melalui asnaf zakat, maka kajian ini ingin melihat bagaimana Jabatan Agama Islam Selangor atau singkatannya JAIS menjalankan amanah yang sungguh berat ini. Oleh itu sebagai badan yang dipertanggungjawabkan, Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor telah mengadakan beberapa aktiviti dan mewujudkan inisiatif bagi mengembangkan dan meningkatkan kehidupan dan kebajikan golongan ini. Kajian ini adalah untuk melihat perlaksanaan program yang telah dirancang dan seterusnya mencadangkan beberapa jalan lain bagi meningkatkan kebajikan juga kualiti golongan ini dari taraf 'kelas tiga' kepada *first class* muslim.

Kajian ini juga menyatakan usaha-usaha bagi 'menaik-taraf' golongan ini kini sudah masuk ke zaman baru yang memerlukan komitmen yang baru merangkumi pemboleh ubah perancangan dan perlaksanaan yang efisien yang mengambil perubahan masa dan keadaan iklim yang berbeza dengan pendekatan terkini memandangkan peratusan mereka yang memeluk Islam semakin hari semakin bertambah. Juga untuk memenuhi keperluan zaman yang memerlukan *da'e* yang mempunyai latar belakang dan potensi yang berbeza yang boleh dilahirkan dari peruntukan asnaf ini.

ABSTRACT

This writing is titled “ **Peranan Unit Dakwah Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hak dan Kedudukan Muallaf** ”. It started as an assumption that this class is left out from getting their qualified rights which can help them increase their Islamic quality and thus turn them into da'ie that is capable of convincing their non-Muslim friends to converts.

Their rights are guaranteed by syara' from asnaf zakat, so this study is done to determine how Selangor Islamic Department or (JAIS) has done their excessive part. As a responsible body, Unit Dakwah Saudara Kita, Selangor Islamic Department has run a couple of activities that can create initiative for upgrading their quality of life for this converts.

This study is for the execution of the programmed which has been planned and to suggest other method to raise the quality of life of this converts from third class to first class Muslim.

This study also tells the efforts for uplifting this class which has entered a new era that needs a new commitment that covers flexible plan and efficient implementation that includes time changes and difference in climate with current outcome base on the convert percentage that has increased every day. It also fulfills the needs of this period which requires da'e that have a different background and potential that can be produced from the asnaf allocation.

ملخص البحث

عنوان هذا البحث هو "دور لجنة الدعوة للمؤلف هيئة الشئون الاسلامية بسلنجور في رعاية الحقوق و حرية المؤلف في سلنجور". و تبدأ البحث باقتراض أن هذه المجموعة (المؤلف) قد حرمت من احتلاك الحقوق المناسبة و التي من ناحية أخرى لمنحهم قوة إيمان بعقيدتهم (الاسلام) و بذلك تجعلهم دعاة لبقية الاحناس لاعتناق الاسلام.

حقوقهم هذه أتت من صميم الشريعة الاسلامية "المؤلفة قلوبهم" من خلال تقسيم اصناف الزكاة, وهذا البحث يبين كيف هيئة الشئون الاسلامية بسلنجور (جائيس) تتحكم بالحقوق الممنوحة و بهذه الحقوق الممنوحة قامت لجنة الدعوة للمؤلف "جائيس" النشاطات التي من شأنها ان تحسن الحياة المعيشة و الثروة لهذه الفئة من الناس.

هذا البحث يمحص التطبيقات لهذه البرامج التي خططت و اقترحت لزيادة نوعيه و قدره هذه الفئة من ادنى المستوى الى اعلاها .

هذا البحث ايضا ليعرف الجهود التي بذلت من اجل هذه الفئة من الناس التي دخلت حقبة جديدة و تريد مزيدا من الاحتياجات التي تتضمن خطط متغيرة و تطبيقات الحديثة اخذه باعتبار متغيرات الزمن و الظروف المحيطة مع طرق محدثة اخذين باعتبار لنسبة هذه المجموعة التي تزداد تحولا للاسلام يوما بعد يوم. لخوض هذه الحقبة تحتاج الى داعي ذو خلفيات مختلفة من هذه الاصناف.

KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
Penghargaan	i
Abstrak	iii
Kandungan	v
Pendahuluan	vi
Pengenalan	vi
Latar Belakang Masalah Kajian	vi
Permasalahan Kajian	vii
Objektif Kajian	ix
Kajian Terdahulu	ix
Metodologi Kajian	xii
Jadual Transliterasi	xv
Senarai Kependekan	xvii

BAB SATU : MUALAF DI NEGERI SELANGOR

1.1	Pengenalan	1
1.2	Saudara Baru Cina	15
1.3	Saudara Baru India	20
1.4	Saudara Baru Orang Asli	23
1.5	Kesimpulan	30

BAB DUA : PERANAN UNIT DAKWAH SAUDARA KITA JAIS

2.1 Pengenalan	31
2.2 Peranan JAIS dalam hal ehwal Mualaf	33
2.2.1- Pengenalan	33
2.2.2- Aktiviti dakwah dan penerangan	41
2.2.3- Program Memperkasakan Mualaf	44
2.2.4 Kategori bantuan	51
2.3 Kesimpulan	61

BAB TIGA : HAK MUALAF : PERLAKSANAANNYA DI SELANGOR

3.1 Definasi Hak	63
3.2 Tanggungjawab Menyampaikan Hak Mualaf	65
3.3 Kedudukan Mualaf dalam Undang-Undang Keluarga\ Islam Selangor	67
3.4 Saiz dana zakat untuk golongan mualaf.	72
3.5 Kesimpulan	75

BAB EMPAT : LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

4.1.1	Tahap umur Responden	76
4.1.2	Jantina Responden	77
4.1.3	Bangsa Responden	78
4.1.4	Tahap Pendidikan Responden	80
4.1.5	Tahap Pendapatan	82
4.1.6	Kesimpulan	84

4.2 HUBUNGAN DENGAN KELUARGA

4.2.1	Reaksi Keluarga Mualaf	85
4.2.2	Sebab-sebab Halangan	87
4.2.3	Hubungan dengan keluarga asal	89
4.2.4	Budaya ilmu dalam keluarga	91
4.2.5	Kesimpulan	92

4.3 TAHAP KEFAHAMAN ISLAM

4.3.1	Status Personaliti diri setelah memeluk Islam	92
4.3.2	Kesungguhan Mengamalkan Ajaran Islam	94
4.3.3	Pilihan bahasa pengantar Pengajaran Agama Islam	95
4.3.4	Mengikuti Kelas Al-Qur'an	97
4.3.5	Kesimpulan	100

4.4	PENGETAHUAN MUALAF MENGENAI HAK MUALAF	
4.4.1	Bentuk Hak mualaf	101
4.4.2	Hak Mualaf yang awal diperolehi	102
4.4.3	Kesimpulan bab	105

BAB LIMA : PENUTUP

5.1	Kesimpulan	106
5.2	Saranan buat mualaf	110
5.3	Cadangan dan saranan kepada JAIS	115
5.3.1	Program susulan ilmu	116
5.3.2	Jaringan Sukarelawan	117
5.4	Cadangan dan saranan kepada kerajaan	118

BIBLIOGRAFI	127
--------------------	------------

PENDAHULUAN

1. Pengenalan

Dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, orang Melayu memanggil golongan yang baru memeluk agama Islam sebagai Muallaf atau Saudara Baru. Gelaran ini diberikan kerana mereka baru memeluk agama Islam. Ia dikhususkan kepada orang Cina, India dan bangsa-bangsa lain.

Membincangkan masalah dan cabaran yang dihadapi di kalangan muallaf adalah rumit. Ini kerana penulis terpaksa mendalami dan menyelami apa yang mereka hadapi dan rasai sejak bernaung di bawah naungan Islam. Masalah yang mereka hadapi ialah berkaitan dengan masalah peribadi, keluarga, sosial pergaulan, penghayatan nilai-nilai agama dan lain-lain lagi. Kajian ini akan melihat juga masalah berkaitan dengan penyaluran hak dan kebajikan mereka selama ini.

2. Latar belakang masalah kajian.

Sesungguhnya Islam amat mengambil berat mengenai mereka kerana mereka adalah di antara orang-orang yang bertuah dan terpilih untuk mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah Taala.

Tumpuan kajian pula adalah di negeri Selangor Darul Ehsan kerana negeri ini mempunyai masalah dan latar belakang muallaf yang dari pelbagai

bangsa dan keturunan sementelah dengan kepesatan ekonomi perindustrian. Ini dapat membantu mendapat keputusan yang bersifat *futuristik*, dan diharapkan dapat membantu masalah dan penyelesaian yang sama untuk kebaikan agensi kerajaan berkaitan juga untuk kebaikan masyarakat muallaf di negeri – negeri yang lain di masa yang akan datang.

3. Permasalahan Kajian

Islam adalah agama yang hidup, ia berkembang dengan berkembang kehidupan manusia. Ia adalah jawapan kepada persoalan hidup sekalian makhluk. Perkembangan Islam berkait rapat dengan proses dakwah Islamiyyah yang dijalankan oleh para Nabi dan para Rasul *'alaihim al-ṣalātu wa al-salām*. Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, dakwah ini diteruskan oleh para sahabat, *tabi'īn*, *salaf al-ṣāleḥ* dan para *dā'i'e* di sepanjang zaman. Ini bermakna di sepanjang zaman akan tetap ada masyarakat yang dinamakan muallaf, iaitu satu masyarakat hatinya cenderung, minat, damai dengan Islam.¹

Takrifan muallaf ini meliputi hati yang merasa cenderung, minat kepada Islam samada sebelum memeluk atau selepas memeluk Islam. Hak mereka telah dijamin oleh al-Qur'an, namun berlaku di sepanjang zaman huraian dan tafsiran yang berbeza berkenaan hak golongan ini.² Pendapat

¹ Nabih Amin Faris, (1996) *The Mysteries of Almsgiving*. Beirut: The Haildelberg Press, m.s. 58.

² Ini dapat dilihat bagaimana Sayyidina 'Umar enggan menyerahkan hak zakat kepada muallaf yang mendatanginya dengan alasan Allah SWT telah memuliakannya dengan agama Islam. Pendapat ini tidak diingkari oleh seorang pun dari kalangan sahabat Nabi

yang menyatakan bahawa golongan ini tidak lagi mendapat hak peruntukan diambil dari pendapat Sayyidina 'Umar al-Khattab r.a, Hassan dan al-Sya'bi. Pendapat ini masyhur di kalangan ulama mazhab Malik dan ahlu al-Ra'yi.³

Manakala sebahagian besar di kalangan ulama, di antara mereka ialah Imam Syafi'e mengatakan bahawa bahagian zakat untuk golongan mualaf ini kekal kerana pemerintah Islam masih memerlukan nya di sepanjang zaman sebagai kaedah menjinakkan hati dan melembutkan jiwa golongan ini.⁴

Namun bagaimana bentuk penyaluran hak dan kebajikan dalam suasana sekarang ini ? Zaman sekarang amat berbeza dengan masyarakat awal Islam, kini umat Islam di seluruh dunia berhadapan dengan suasana *globalisasi*, dunia tanpa sempadan dan juga langit terbuka.

Adakah memadai penyaluran hak itu dalam bentuk wang ringgit dan pendidikan asas-asas Islam sahaja dan khusus pula kepada yang baru memeluk Islam atau kita kembali kepada takrifan asal mualaf yang terdiri juga dari golongan bukan Islam yang ada kecenderungan minat kepada Islam, jika dipersetujui, maka pihak berkuasa Islam mestilah menyediakan mekanisme bagaimana penyaluran ini disalurkan untuk kepentingan *survival* dakwah Islam tanpa mengeneipkan hak dan kebajikan orang yang baru memeluk Islam dari masa ke semasa.

lihat Muhd Faruq Nabhan (1970), *Al-Ittijāh al-Jamā'ī al-Tasyrī' al-Iqtisādī*, Bāyruṭ: Dār al-Fikrī, m.s. 283.

³ Al-Shawkāny, Muhammad Ibnu 'Alī Ibnu Muhammad (1964), *Fath al-Qādir*, Jil 2, Mesir : Maktabah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, m.s. 373.

⁴ Siddiq Hassan Khān (t,t) , *Fath al-Bayān*, Jil 4, Kaherah : Matba'ah al-'Āsimah, m.s. 150.

4. Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk meninjau :-

1. Bagaimana hak – hak golongan yang baru memeluk Islam dipenuhi , apa pula masalah-masalah dan cabaran yang dihadapi oleh mereka sama ada dari diri mereka sendiri mahupun cabaran dari luar .
2. Selain daripada itu, penulis ingin melihat sejauh mana keberkesanan penghayatan mereka dalam Islam dari segi amalan-amalan fardhu ain dan fardhu kifayah. Ia juga untuk memastikan peranan pendidikan Islam dapat membentuk dan menjadikan mereka sebagai seorang Muslim yang sebenar.
3. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat bagaimana cara dan kaedah baru menyalurkan hak dan kebajikan mengikut kesesuaian zaman dan masyarakat muallaf itu sendiri.

5. Kajian Terdahulu

Pada asasnya perbincangan tajuk ini ada di dalam perbincangan ulama berkaitan dengan pembahagian zakat khususnya dalam *maṣḥārif al-zakāh* di dalam kitab-kitab feqh turath dan moden.

Kajian serta penulisan diteruskan oleh pengkaji tempatan seperti pernah dilakukan oleh Zaharah binti Awang dengan tajuknya Saudara Baru : Harapan dan Cabaran dalam Penghayatan Islam, tulisan ini lebih menjurus

kepada bagaimana bentuk pendidikan asas Islam yang sesuai diketengahkan kepada saudara baru. Kajian itu mengkhususkan kajiannya kepada cabaran dalaman dan luaran yang berlaku ke atas saudara baru selepas mereka memeluk Islam, seterusnya mencadangkan jalan keluar kepada masalah tersebut.

Latihan ilmiah Khomsah bin Jusoh bertajuk Perkembangan dan Masalah Saudara Kita di Melaka, penulis ini melihat suasana pentadbiran dan pendidikan kepada saudara baru. tulisan ini pula khusus melihat perkembangan saudara baru di negeri Melaka.

Latihan ilmiah oleh Hilmi bin Lahuri bertajuk Bimbingan dan Masalah Saudara Baru di Pusat Pengajian Tinggi : Kajian khusus di Universiti Kebangsaan Malaysia. Tulisan ini menumpukan fokus permasalahan saudara baru dalam menyesuaikan diri mereka dengan rakan sebaya muslim di Institusi Pengajian Tinggi dan secara khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia. Juga mengesyorkan sukatan pengajian khusus kepada saudara baru yang berpendidikan tinggi.

Ini berbeza dengan kajian penulis lebih ditumpukan kepada bagaimana bentuk penyaluran hak dan kebajikan yang sedang dijalankan dan turut mengemukakan cadangan dan kritikan membina bagi meningkatkan kualiti penyaluran hak dan kebajikan mengikut peredaran masa dan

perubahan zaman. Oleh sebab itu penulis memilih negeri Selangor kerana ia merupakan negeri paling pesat membangun di Malaysia.⁵

Disamping itu negeri ini mempunyai Wawasan Selangor Maju 2005 yang amat menitikberatkan soal keseimbangan pembangunan. Negeri maju yang bakal dilahirkan sepatutnya bukan sahaja maju dari aspek sosio ekonomi, malah juga menumpukan kepada pembangunan nilai peradaban kemanusiaan yang mengangkat martabat insan.⁶

Hasilnya badan yang dipertanggungjawabkan bagi tujuan tersebut ialah Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor yang mesti bekerja keras menyempurnakan hak dan kebajikan kepada masyarakat muallaf yang pasti bertambah hasil kebanjiran rakyat luar negeri ke negeri akan maju pada 2005 ini.

⁵ Menurut bancian tahun 2000, jumlah rakyat Negeri Selangor Darul Ehsan ialah seramai 4.19 juta penduduk mewakili komposisi rakyat Malaysia berbilang kaum. <http://www.mushaf.com.my/galeri/?pg=0304>, 02 Mei 2002.

⁶ Malah, status itu mungkin diterima lebih awal apabila kajian Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) menunjukkan Selangor boleh menjadi negeri maju sedikit awal daripada jangkaan. Sebanyak 52 indikator itu menunjukkan Selangor di kedudukan 1 hingga 20 berbanding 30 negara lain di dunia dengan peratus pencapaian adalah 69.3 peratus. Negeri maju perlu mempunyai indikator pada tahap satu hingga 20 pada kadar minimum 70 peratus, meliputi aspek ekonomi, infrastruktur, sosial, pentadbiran dan teknologi maklumat (IT). Lihat <http://www.mhselangor.com/modules.php?name=News&file=article&sid=309>, 02 Mei 2002.

6. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah mengabungkan beberapa dimensi disiplin ilmu pengajian Islam, pengkhususan dakwah dan pengkhususan feqh dan sedikit berkaitan undang-undang. Oleh itu ia menggunakan beberapa metodologi dalam mengumpulkan dan menganalisa data-data yang diperolehi.

6.1 Metodologi Pengumpulan Data

Sesuai dengan sifat multi-dimensinya, kajian ini telah menggunakan beberapa metodologi pengumpulan data berikut :

6.1.1. **Penyelidikan perpustakaan** untuk mengumpul maklumat tentang konsep perlembagaan dan kepentingannya kepada perlaksanaan undang-undang peribadi, sejarah perkembangan undang-undang Islam di Tanah Melayu, latar belakang PT 1911 dan sejarah perundangan Islam di Terengganu. Penyelidikan ini telah membabitkan penggunaan sumber data seperti tesis, disertasi, latihan ilmiah, manuskrip, laporan, kertas persidangan, buku, akhbar, majalah, dokumen dan jurnal.

Penyelidikan dilaksanakan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-undang UM, Perpustakaan Pengajian Islam UM, Perpustakaan Zaaba UM, Perpustakaan Awam Islam, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

6.1.2. **Temubual separa berstruktur** dengan beberapa pegawai Jabatan Agama Islam Selangor yang berkaitan ;

2.1 - Ustaz Anuar Hamzah bin Toha, Penolong Pengarah, Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor yang merupakan ketua bahagian yang melibatkan saudara baru atau muallaf di Selangor.

2.2 - Ustaz Yusof Ong bin Abdullah Abu Bakar Abdullah, Penolong Pegawai Dakwah, Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor, ketua operasi dalam setiap program anjuran JAIS.

2.3 - En Abdul Latif Satiran, Presiden Persatuan Kebajikan Saudara Baru India Selangor (HIDAYAH).

2.4 – En Abd Kadir Leong, Ahli Jawatankuasa, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA).

Temubual dilakukan melalui perbualan telefon, e-mail dan beliau menjawab secara bertulis. Temubual dilakukan sebagai pelengkap kepada temuduga (i) dan (ii).

Temubual diadakan dengan mereka untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan gerak kerja Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor.

Untuk menjadikan temuduga ini objektif dan boleh dipertanggung-jawabkan, beberapa kaedah mikro telah dijalankan :

(i) Mengadakan temu janji dengan responden bagi memastikan mereka dapat meluangkan masa terbaik untuk proses temuduga.

(ii) Membahagikan proses temubual kepada dua sesi iaitu (i) sesi pengenalan untuk menjelaskan tujuan kajian dan merapatkan hubungan dengan responden dan (ii) sesi temuduga sebenar yang lebih serius dan berfokus kepada kandungan kajian.

(iii) Melakukan temuduga separa berstruktur dan menggunakan pita rakaman dan catitan yang kemudiannya ditranskriarkan.

(iv) Memastikan responden adalah orang yang berautoriti demi memastikan data-data yang diperolehi sah (*valid*) dan boleh dipercayai (*reliable*).

6.1.3. **Penyelidikan observasi** turut serta bagi membantu pengkaji menilai kebenaran maklumat yang diperolehi daripada temubual dengan program-program anjuran Jabatan Agama Islam Selangor dan juga agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan.⁷

6.1.4. **Kaedah soal-selidik**, kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dan menafsirkan pandangan mereka terhadap apa yang mereka terima dari pihak berwajib akan hak serta sebarang usaha untuk mengangkat martabat kedudukan mereka di dalam masyarakat Islam. Selain daripada itu borang soal selidik pula digunakan untuk memberi peluang kepada mereka mengemukakan cadangan serta kritikan membina.

⁷ Agensi kerajaan yang dimaksudkan ialah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor dan Wilayah Persekutuan, manakala bukan kerajaan seperti Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persatuan Kebajikan Saudara Baru India (AL-HIDAYAH).

JADUAL TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah mengikut Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia(1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Bagi perkataan yang berbahasa Arab dalam kajian ini menggunakan kaedah yang telah dipakai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaedah-kaedah tersebut ialah :

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	c
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sy	ء	‘
ص	ṣ	ي	y

2. Vokal

Pendek	Panjang
َ (fatḥah) a	آ ā
ِ (kasrah) i	ي ī
ُ (ḍammah) u	و ū

3. Diftong

أَي	ay
وَأ	aw

Catatan

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui Kamus Dewan tidak ditransliterasikan seperti syariah, syarak, hukum, mukallaf, kadi, fatwa, hadis, Rasulullah, salat, ulama kecuali perkataan tersebut digunakan dalam frasa Arab seperti *al-sharī'ah*, *al-fatwā*, *ijtihādiyyah*, *al-ḥadīth*, *al-mukallafin*, *al-Qāḍī*, *al-Imām* dan lain-lain lagi.

SENARAI KEPENDEKAN

Abd	Abdul.
Bil	Bilangan.
DYMM	Duli Yang Maha Mulia.
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka.
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor.
JHOEA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.
Ibid	Bahasa Latin Ibidem iaitu pengarang dan judul buku yang sama dengan rujukan buku yang sebelumnya dan tidak diselangi dengan rujukan lain.
Jil	Jilid.
Op.cit	Bahasa Latin Opera Citato; dalam karya yang dirujuk sebelum dan diselangi dengan rujukan lain.
S.A.W	Ṣallallahu ‘alayhi Wa sallam.
S.W.T	Subḥānahu Wa Ta’ālā.
T.t	Tanpa tarikh.
Terj.	Terjemahan.